

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

CIDB: PENGALIHAN ALIRAN TRAFIK KAEDAH TERBAIK TANGANI RISIKO KESELAMATAN PENGGUNA LEBUHRAYA

Tiada kompromi untuk kontraktor jika didapati gagal memastikan keselamatan projek pembinaan

Kuala Lumpur, 22 Mac 2021: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) (CIDB) tidak akan berkompromi terhadap kontraktor atau mana-mana pihak yang didapati tidak melaksanakan tanggungjawab mereka untuk memastikan keselamatan projek pembinaan yang sedang dijalankan mahupun yang telah disiapkan dan boleh menyebabkan masalah keselamatan kepada orang awam.

Ketua Eksekutif CIDB Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata CIDB menyesali dan memandang serius kejadian struktur gantri kren jatuh yang mengakibatkan 3 kematian dan satu kecederaan parah di projek pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKEL) di lokasi Persiaran Alam Damai, Cheras pada hari ini.

Menurut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Akta 520), jika berlaku kematian akibat daripada pelanggaran kewajipan kontraktor dalam memastikan keselamatan pembinaan, jika sabit kesalahan, kontraktor boleh didenda tidak lebih dari RM500,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

Pasukan Penguatkuasaan CIDB Wilayah Persekutuan telah ke lokasi kejadian dan sedang menjalankan siasatan terperinci mengenai insiden berikut. Menteri Kanan Kerja Raya Dato' Sri Haji Fadillah Yusof turut turun ke lokasi diiringi Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan dan Ketua Eksekutif CIDB Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid.

"Pihak kontraktor sewajarnya lebih peka dan sepatutnya melaksanakan pelbagai cara pembinaan yang boleh menjamin keselamatan orang ramai. Ini termasuklah

pengalihan trafik atau penutupan jalan sepenuhnya semasa fasa pembinaan yang berisiko tinggi dilaksanakan. Pengalihan aliran trafik bukan sahaja dapat menghilangkan risiko bahaya kepada pengguna jalanraya, malah ia juga memaksimakan ruang yang boleh digunakan untuk pembinaan dan mempercepatkan pelaksanaan projek,” katanya.

####

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.